

PM sedia isytihar harta bila-bila masa

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersedia mengisytiharkan harta pada bila-bila masa.

“Saya, kalau ada (pihak) minta esok (isytihar) harta, esok juga saya buat. Koreklah banyak mana pun, baru boleh jadi pemimpin. Jadi contoh. Jika tidak, apa yang kita nak ajar kepada

rakyat kerana antara cara untuk angkat darjat Islam itu ialah dengan tatakelola yang baik.

“Ini apabila suruh isytihar harta marah. (Cakap kerana) dendam, apa dendam? Kalau kamu tak salah, buat apa takut isytihar harta?” katanya semalam.

Sebelum ini, Ketua Whip Perikatan Nasional Datuk Seri Ta-

kiyuddin Hassan berkata pengisytiharan harta, antara syarat terkandung dalam memorandum persepahaman berkaitan peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang, hanya perlu dilakukan apabila melibatkan anggota pentadbiran seperti diamalkan oleh kerajaan terdahulu. **BERNAMA**



Anwar bersama Dr Mohd Na'im dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melakukan gimik pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) di Taman Alam Sutera, Bukit Jalil, semalam. (Foto BERNAMA)